



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGIN

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 33
No. 17

24hb Ogos 1989

*TAMBAHAN No. 50
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 242.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (AMERIKA
SYARIKAT) 1989

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967, Menteri membuat Perintah yang berikut:

Akta 53

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Amerika Syarikat) 1989.**

Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Amerika Syarikat dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Amerika Syarikat (sebagaimana yang ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat jika perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

*Pelepasan
Cukai dua
kali.*

JADUAL

SUATU PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT BAGI PENGECUALIAN BERSALING BERKENAAN DENGAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN PERUSAHAAN PENGANGKUTAN KAPAL DAN UDARA KEDUA-DUA NEGARA

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Amerika Syarikat berhasrat hendak membuat Perjanjian bagi pengecualian bersaling berkenaan dengan cukai ke atas pendapatan perusahaan pengangkutan kapal dan udara kedua-dua negara.

Telah bersetuju sebagaimana berikut:

Perkara 1

CUKAI YANG DJLIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai kepada cukai ke atas pendapatan yang dikenakan bagi pihak setiap Negara Pejanji walau apa pun cara di mana cukai itu dilevikan.
2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai ke atas pendapatan segala cukai yang dikenakan ke atas jumlah pendapatan, atau ke atas unsur pendapatan, termasuk cukai ke atas keuntungan daripada pemberimilikan harta alih.
3. Cukai yang sedia ada yang kepadanya Perjanjian ini hendaklah terpakai adalah khususnya:
 - (a) dalam hal Malaysia, cukai pendapatan, cukai keuntungan berlebihan dan cukai pembangunan;
 - (b) dalam hal Amerika Syarikat, cukai pendapatan yang dikenakan oleh Kanun Hasil Dalam Negeri tahun 1986.
4. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai kepada apa-apa cukai yang bersamaan atau yang secara substansialnya serupa sebagaimana yang kemudiannya dikenakan sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi cukai yang sedia ada.

Perkara 2

TAFSIRAN

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah “Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Amerika Syarikat, sebagaimana yang konteksnya kehendaki;
- (b) istilah “penjalaran pengangkutan kapal atau udara” ertinya aktiviti beroperasi bagi pengangkutan orang, ternakan, barang dan mel, dengan kapal atau melalui udara, yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji termasuk penjualan tiket dan dokumen yang serupa yang digunakan bagi maksud pengangkutan;
- (c) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh pemastautin Negara Pejanji, kecuali jika pengangkutan sedemikian dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi;

- (d) istilah “pihak berkuasa kompeten” ertinya:
- (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa; dan
 - (ii) dalam hal Amerika Syarikat, Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya;
- (e) istilah “pemastautin Negara Pejanji” ertinya mana-mana orang, yang di bawah undang-undang Negara itu, adalah berliabiliti kepada pencukaian di dalamnya disebabkan oleh domisil, kemastautinan, tempat pengawalan dan pengurusan, tempat permerbadanannya atau apa-apa kriteria lain yang jenisnya serupa;
- (f) istilah “orang” termasuklah individu, perbadanan, syarikat atau mana-mana lain-lain kumpulan orang yang disifatkan sebagai orang bagi maksud cukai.

Perkara 3

PENGANGKUTAN KAPAL DAN UDARA

1. Pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji daripada perjalanan pengangkutan kapal atau udara di lalulintas antarabangsa hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi.
2. Peruntukan perenggan 1 hendaklah juga terpakai kepada pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji daripada penyertaannya dalam perniagaan kumpulan atau bersama.
3. Bagi maksud perenggan 1, pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji daripada perjalanan pengangkutan kapal atau udara di lalulintas antarabangsa termasuklah juga pendapatan yang diperolehi daripada:
 - (a) sewaan kapal atau pesawat udara yang digunakan dalam pengangkutan antarabangsa di atas asas penuh (masa atau pelayaran) atau “bareboat” yang bersampingan kepada pendapatan daripada perjalanan pengangkutan kapal atau udara di lalulintas antarabangsa;
 - (b) sewaan kontena dan peralatan yang berhubungan yang digunakan di lalulintas antarabangsa yang bersampingan kepada pendapatan daripada perjalanan pengangkutan kapal atau udara di lalulintas antarabangsa; dan
 - (c) keuntungan daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara oleh orang yang aktiviti utamanya ialah perjalanan pengangkutan kapal atau udara di lalulintas antarabangsa.

4. Bagi maksud Perkara ini, perbadanan adalah pemastautin Negara Pejanji jika stok atau syernya adalah:

- (a) lebih daripada 50 peratus dipunyai, secara langsung atau tak langsung, oleh individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji itu atau oleh pemastautin Negara lain yang memberi pengecualian bersaling kepada Negara Pejanji yang satu lagi; atau
- (b) secara utamanya dan secara tetapnya berdagang di atas pasaran sekuriti yang teguh di Negara Pejanji itu adalah keseluruhannya dipunyai oleh Perbadanan Negara Pejanji itu yang stok atau syernya diperdagangkan sedemikian,

Bagi maksud subperenggan (a), Kerajaan Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai pemastautin individu Negara itu.

Perkara 4

BATASAN PERJANJIAN

Walau apa pun peruntukan Perjanjian ini, Amerika Syarikat bolehlah mencukai pemastautin dan warganegara A.S., termasuk perbadanan yang ditubuhkan di Amerika Syarikat, dan Malaysia bolehlah mencukai mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia, termasuk perbadanan yang tempat pengawalan dan pengurusannya adalah di Malaysia, seolah-olah Pejanjian ini telah tidak berkuatkuasa.

Perkara 5

PROSEDUR PERJANJIAN BERSAMA

Perundingan bolehlah dipinta pada bila-bila masa oleh mana-mana Negara Pejanji bagi maksud meminda Perjanjian ini atau bagi pemakaiannya atau pentafsirannya. Perundingan tersebut hendaklah dimulakan dalam masa 60 hari daripada tarikh penerimaan permintaan tersebut dan keputusan hendaklah dengan persetujuan bersama.

Perkara 6

MULA BERKUATKUASA

1. Negara Pejanji hendaklah memberitahu di antara satu sama lain apabila prosedur perundangan masing-masing telah dipenuhi berkenaan dengan perjanjian ini.
2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa apabila dipertukarkan apa-apa suratcara ratifikasi dan peruntukannya hendaklah berkuatkuasa, dalam hal Malaysia, berkenaan dengan asas tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 1987, dan, dalam hal Amerika Syarikat, berkenaan dengan tahun yang boleh dicukai pada atau selepas 1 Januari 1987.

Perkara 7

PENAMATAN

Mana-mana satu Kerajaan bolehlah menamatkan perjanjian ini dengan memberi notis penamatan menerusi saluran diplomatik.

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT yang bertandatangan di bawah, yang dengan sepenuhnya diberikuasa bagi maksud tersebut, telah menandatangani Perjanjian ini dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada hari ini 18hb April 1989 dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, kedua-dua naskah adalah sama sah. Dalam hal apa-apa perbezaan di antara kedua-dua naskah itu naskah Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI KERAJAAN
AMERIKA SYARIKAT

Diperbuat pada 7hb Julai 1989.
(Perb. 0. 6869/2 Vol. 4 (26); PN. (PU²) 80/XIV.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

*(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 132
(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.)*

INCOME TAX ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE UNITED STATES
OF AMERICA) ORDER 1989

IN exercise of the powers conferred by section 132 (1) of the
Income Tax Act 1967, the Minister makes the following order: *Act 53.*

1. This Order may be cited as the **Double Taxation Relief (The United States of America) Order 1989.** *Citation.*

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made with the Government of the United States of America with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and the United States of America tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that the arrangements shall have effect. *Double taxation relief.*

SCHEDULE

AN AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE UNITED
STATES OF AMERICA FOR RECIPROCAL EXEMPTION
WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME OF SHIPPING
AND AIR TRANSPORT ENTERPRISES OF THE TWO
COUNTRIES

The Government of Malaysia and the Government of the United States of America desiring to conclude an Agreement for reciprocal exemption with respect to taxes on income of shipping and air transport enterprises of the two countries,

Have agreed as follows:

Article 1

TAXES COVERED

1. This Agreement shall apply to taxes on income imposed on behalf of each Contracting State irrespective of the manner in which they are levied,
2. There shall be regarded as taxes on income all taxes imposed on total income, or on elements of income, including taxes on gains from the alienation of movable property,
3. The existing taxes to which the Agreement shall apply are in particular:
 - (a) in the case of Malaysia, the income tax, excess profits tax and development tax;
 - (b) in the case of the United States of America, the income tax imposed by the Internal Revenue Code of 1986.
4. This Agreement shall also apply to any identical or substantially similar taxes as are subsequently imposed in addition to, or in place of the existing taxes,

Article 2

DEFINITIONS

In this Agreement, unless the context otherwise requires:

- (a) the terms “a Contracting State” and “the other Contracting State” mean Malaysia or the United States of America, as the context requires;
- (b) the term “exercise of shipping or air transport” means the operational activity of transportation by ship or by air of persons, livestock, goods and mail conducted by a resident of a Contracting State including sale of tickets and similar documents used for the purposes of transportation;

- (c) the term “international traffic” means any transport by a ship or an aircraft operated by a resident of a Contracting State, except when such transport is made solely between places in the other Contracting State;
- (d) the term “competent authority” means:
 - (i) in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorized representative; and
 - (ii) in the case of the United States of America, the Secretary of the Treasury or his delegate;
- (e) the term “resident of a Contracting State” means any person, who under the law of that State, is liable to taxation therein by reason of his domicile, residence, place of control and management, place of incorporation, or any other criterion of a similar nature;
- (f) the term “person” includes an individual, a corporation, a company or any other body of persons which is treated as a person for tax purposes.

Article 3

SHIPPING AND AIR TRANSPORT

1. Income and profits derived by a resident of a Contracting State from the exercise of shipping or air transport in international traffic shall be exempted from tax in the other Contracting State.
2. The provisions of paragraph 1 shall also apply to income and profits derived by a resident of a Contracting State from its participation in a pool or a joint business.
3. For the purposes of paragraph 1, income and profits derived by a resident of a Contracting State from the exercise of shipping or air transport in international traffic also include income derived from:
 - (a) the rental of ships or aircraft used in international transport on a full (time or voyage) or bareboat basis which is incidental to income from the exercise of shipping or air transport in international traffic;
 - (b) the rental of containers and related equipment used in international traffic which is incidental to income from the exercise of shipping or air transport in international traffic; and
 - (c) gains from the alienation of ships or aircraft by a person whose predominant activity is the exercise of shipping or air transport in international traffic.

4. For the purposes of this Article, a corporation is a resident of a Contracting State if its stocks or shares are:

- (a) more than 50 percent owned, directly or indirectly, by individuals who are residents of that Contracting State or by residents of another State which grants reciprocal exemption to the other Contracting State; or
- (b) primarily and regularly traded on an established securities market in that Contracting State or are wholly owned by a corporation of that Contracting State whose stocks or shares are so traded.

For purposes of subparagraph (a), the Government of a Contracting State shall be treated as an individual resident of that State.

Article 4

LIMITATION OF AGREEMENT

Notwithstanding any provision of this Agreement, the United States may tax U.S. residents and citizens, including corporations organized in the United States, and Malaysia may tax any person resident in Malaysia, including corporations whose place of control and management is in Malaysia, as if this Agreement had not come into effect.

Article 5

MUTUAL AGREEMENT PROCEDURE

Consultation may be requested at any time by either Contracting State for the purpose of amendment to the present Agreement or for its application or its interpretation. Such consultation shall begin within 60 days from the date of receipt of any such request and decisions shall be by mutual consent.

Article 6

ENTRY INTO FORCE

1. The Contracting States shall notify each other when their respective legal procedures have been met with respect to this Agreement.
2. The Agreement shall enter into force upon the exchange of any necessary instruments of ratification and its provisions shall have effect, in the case of Malaysia, with respect to basis periods beginning on or after January 1, 1987, and, in the case of the United States, with respect to taxable years beginning on or after January 1, 1987.

Article 7

TERMINATION

Either government may terminate this agreement by giving written notice of termination through diplomatic channels.

IN WITNESS WHEREOF the undersigned, being duly authorized thereto, have signed this Agreement in duplicate at Kuala Lumpur this day of 18th April 1989 in Bahasa Malaysia and English Language, both texts being equally authentic. In the case of any divergence between the texts the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT
OF MALAYSIA

FOR THE GOVERNMENT OF THE
UNITED STATES OF AMERICA

Made the 7th July 1989.
[Perb. O. 6869 Vol. 4 (26); PN. (PU) 80/XIV.]

DAIM ZAINUDDIN,
Minister of Finance

*(To be laid before the Dewan Rakyat under section 132 (6) of the
Income Tax Act 1967.)*